



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

**FOKUS STRATEGIK MERANCAKKAN PERTUMBUHAN PERTANIAN DAN
PEMERKASAAN KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA**

PUTRAJAYA, 24 OKTOBER 2025 – Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Keterjaminan Makanan Negara (JKKMN) Bilangan 2 Tahun 2025 telah bersidang pada 22 Oktober 2025 yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri. Mesyuarat memberi fokus kepada inisiatif strategik bagi merencanakan pertumbuhan sektor pertanian, meningkatkan taraf hidup golongan petani dan penternak serta merencanakan dasar keterjaminan makanan negara dan pemerkasaan data sektor pertanian dan agromakanan negara.

Mesyuarat JKKMN kali ini antara lain telah meneliti strategi meningkatkan kemandirian sektor ternakan negara menerusi **cadangan penubuhan Lembaga Ruminan Negara**, susulan hasil Laporan Kajian Kebolehlaksanaan Penubuhan Lembaga Ruminan Negara oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Kerajaan sedang memuktamadkan **dasar baharu** bagi menangani cabaran keterjaminan makanan yang semakin kompleks melalui pendekatan bersepadu, berasaskan bukti dan dipacu misi. Dasar ini bertujuan meningkatkan kecekapan pengeluaran pertanian dan agromakanan, menjamin kemampanan sistem, memperkukuh diplomasi makanan serantau, menggalakkan pemakanan sihat dan memacu pertumbuhan ekonomi yang terangkum. Bagi menjamin keberkesanan pelaksanaannya, dasar ini akan disokong oleh **perundangan khusus** yang berfungsi menyelaraskan tindakan antara pelbagai agensi dan kementerian bagi memperkukuh tadbir urus demi kemampanan dan keterjaminan makanan negara secara menyeluruh.

Perancangan dasar akan terus diperkukuh menerusi **inisiatif digital sistem statistik pertanian bersepadu (Tanistats)** bagi memperkasa keterjaminan makanan negara melalui perkongsian data pertanian nasional dalam memacu pertumbuhan sektor pertanian.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) komited untuk terus melakar dasar dan inisiatif yang progresif demi kelangsungan masa depan pertanian dan keterjaminan makanan negara.

YB DATUK SERI HAJI MOHAMAD SABU
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

